

08/06/2000

Kepentingan nasional perlu diutamakan

KETIKA mengumumkan keputusan meletakkan jawatan dari Kabibet 22 Mei lalu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, disifatkan melakukan tindakan yang kurang bijak, walaupun ada pihak yang menganggap ia sebagai satu sandiwara politik. Setidak-tidaknya, pengumuman peletakan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan itu menimbulkan kekecohan dalam MCA apabila berlaku tuduh-menuduh sesama pemimpin dalam parti itu. Ia juga memberi ruang kepada berita angin yang tersebar luas mengenai krisis kepemimpinan dalam parti dan kerajaan yang memberi kesan kepada pasaran saham dan sebagainya. Sekiranya Dr Ling merujuk kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terlebih dahulu, perkara sedemikian boleh dielakkan. Kemungkinan besar, ketika itu beliau kehilangan pertimbangan akibat desakan dari dalam parti.

Pengumuman Dr Ling menarik balik keputusannya kelmarin, jelas membuktikan kali ini beliau melakukannya dengan lebih berhati-hati. Sebelum tempoh cuti dua minggunya berakhir, beliau mematikan sebarang spekulasi baru. Beliau terlebih dahulu memberitahu Dr Mahathir mengenai keputusannya dan seterusnya membawa kepada pengetahuan parti. Terbukti, keputusannya itu melegakan banyak pihak demi menjamin perpaduan dalam parti. Desakan daripada pelbagai pihak yang mahu beliau terus berkhidmat menunjukkan masyarakat Cina di negara ini masih mengharapkan beliau meneruskan tugasnya dalam Kabinet dan parti. Paling penting Dr Ling menghormati permintaan rakyat yang mewakili ahli parti, pemimpin masyarakat, penyokong dan rakan-rakan kerana merekalah yang selama ini meletakkan MCA sebagai parti yang dihormati. Ini menunjukkan dalam sebarang keputusan politik, kepentingan diri harus diketepikan. Kepentingan nasional perlu diberi keutamaan.

Hakikatnya, Dr Ling boleh meletakkan jawatan tanpa perlu menoleh ke belakang. Beliau boleh berehat tanpa perlu lagi memikirkan tanggungjawab berat yang dipikul selama ini. Beliau hanya boleh berbuat demikian jika sifat sayangkan parti tidak lagi wujud dalam jiwanya. Pastinya, beliau juga tahu kesan yang mungkin ditinggalkannya. Peninggalannya akan menimbulkan kekecohan yang berpanjangan dalam parti. Dr Ling pernah dianggap sebagai penyelemat MCA berikutan peletakan jawatan beberapa pemimpin dan masalah yang dihadapi oleh pemimpin tertinggi parti itu sebelum ini. Beliau tentunya banyak belajar daripada pengalaman lalu termasuk peletakan jawatan Datuk Lee San Choon sebagai Presiden MCA dan jawatan Kabinet serta kes yang dihadapi oleh Tan Koon Swan. Tugas untuk mencantumkan ahli MCA akibat perebutan jawatan, mengambil masa yang agak lama.

Soal siapa yang akan mengambil alih tempatnya dalam Kabinet mungkin tidak penting kerana ramai pemimpin lain yang mampu mengisi kekosongan. Tetapi, tidak mustahil juga pelantikan salah seorang daripada pemimpin parti itu akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pemimpin lain yang berasakan mereka juga layak mengisi jawatan itu. Pemergiannya juga akan menimbulkan spekulasi baru mengenai jawatannya dalam parti. Tidak dapat dielakkan lobi melobi akan berlaku dan kesannya kepada parti akan retak. Dalam keadaan hari ini yang memerlukan perpaduan pada semua peringkat, sebarang perkara yang memungkinkan berlaku perpecahan, perlu dielakkan.

Tidak dapat dinafikan Dr Ling adalah seorang pemimpin yang sentiasa tenang dan paling penyabar. Beliau lebih gemar menjalankan tugasnya tanpa

tekanan. Ini adalah pengajaran kepada pemimpin dan anggota MCA. Mereka tidak seharusnya membuat desakan yang bukan-bukan apatah lagi jika tuntutan yang mereka ketengahkan bertentangan dengan nalurinya. Dalam BN, MCA bukanlah golongan pendesak. MCA dikenali sebagai parti sederhana memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina. Dr Ling tidak mahu melayan sebarang tuntutan yang boleh mengeruhkan hubungan sesama anggota komponen BN.

Sebagaimana Dr Ling, dikenali sebagai pemimpin yang boleh bertolak ansur, MCA seharusnya tidak membuat desakan yang boleh mengeruhkan keadaan. MCA perlu sedar, adakalanya parti itu juga menghadapi masalah. Perwakilan parti itu di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) adakalanya juga merosot. Ketika kedudukan parti itu agak kukuh, tidak sewajarnya digunakan untuk landasan tawar-menawar sama ada untuk mendapat tambahan jawatan dalam kerajaan dan sebagainya. Bagaimana ketika bilangan kerusi parti itu merosot? Apakah bilangan perwakilan mereka dalam kerajaan boleh dikurangkan. BN adalah gabungan parti yang berpegang teguh kepada prinsip saling hormat-menghormati. Oleh itu, sebarang tuntutan yang boleh menimbulkan masalah, perlu dielakkan.

(END)